

NO. SOALAN: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

SOALAN

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan usaha Kementerian untuk memanfaatkan kajian bagi mendapatkan tenaga elektrik alternatif dari pokok kedondong hasil penemuan oleh adik Naufal Rizki dari Aceh, Indonesia untuk bekalan elektrik luar bandar dan perkampungan orang asli.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Secara umumnya, kajian awalan penghasilan elektrik dari pokok kedondong adik Naufal Rizki dari Aceh, Indonesia telah ditinjau oleh anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu TNB Research Sdn. Bhd.
2. Hasil tinjauan tersebut mendapati terdapat beberapa isu utama yang perlu diperhalusi seperti berikut:
 - i. kemampuan pokok kedondong untuk menjana kapasiti tenaga elektrik yang mencukupi untuk sebuah rumah atau kampung; dan
 - ii. tahap kelestarian penggunaan pokok kedondong sebagai sumber tenaga elektrik alternatif.
3. Buat masa ini, Kerajaan tidak perlu bergantung kepada pokok kedondong untuk menghasilkan elektrik bagi keperluan penduduk luar bandar dan orang asli kerana Kerajaan telah mengadakan

Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) yang diterajui oleh
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Sekian, terima kasih

.....

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DE. CHE ROSLI BIN CHE AMAT [HULU LANGAT]

SOALAN : 74

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan komitmen Kementerian untuk membantu meningkatkan kemudahan infrastruktur sedia ada akibat pembinaan MRT.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan projek MRT telah merangkumi kemudahan-kemudahan infrastruktur termasuk menaiktaraf jalan raya berdekatan stesen-stesen MRT, pembinaan *park n ride* di stesen-stesen yang telah dikenalpasti, laluan pejalan kaki yang berbumbung dan lain-lain lagi.

Di samping itu, bagi menjayakan projek pengangkutan awam ini, semua pihak yang terlibat termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi di bawah Kementerian Pengangkutan telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam memastikan projek MRT ini memberi kemudahan kepada rakyat khususnya dari segi kesalinghubungan dengan sistem komuter sedia ada.